



SMK DAMANSARA JAYA
PETALING JAYA
SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN

**BUKU
MAKLUMAT
TINGKATAN
SATU**

BUKU
MAKLUMAT
TINGKATAN

2021

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	VISI, MISI DAN MOTO SEKOLAH	3
2	BARISAN PENTADBIR SEKOLAH	4
3	MAKLUMAT PENTING SEKOLAH	5-15
4	TARIKH PENTING UNTUK MURID TINGKATAN 1	16-18
5	PELAN SEKOLAH	19-20
6	SOP COVID 19	21-24
7	PELAN LALUAN MURID	25-27

VISI

**PENDIDIKAN BERKUALITI
INSAN TERDIDIK
NEGARA SEJAHTERA**

MISI

**MELESTARIKAN SISTEM PENDIDIKAN
YANG BERKUALITI UNTUK
MEMBANGUNKAN POTENSI INDIVIDU
BAGI MEMENUHI ASPIRASI NEGARA**

MOTO

BERILMU UNTUK BERJASA

BARISAN PENTADBIR SEKOLAH

PENGETUA



(AHMAD EZZAT BIN ISMAIL)

PENOLONG KANAN PENTADBIRAN



(SHAHLAWATI BINTI ALI)

PENOLONG KANAN HAL EHWAH
MURID



(SHARON NG BOON PENG)

PENOLONG KANAN
KOKURIKULUM



(MAIZURA BINTI HUSIN)

GKMP SAINS DAN
METEMATIK



(TIE SUK ING)

GKMP BAHASA



(NAZIMA @
NORAIDA BINTI
ABU NAIM)

GKMP
KEMANUSIAAN



(ROGAYAH BINTI
JUSOH)

GKMP TEKNIK
DAN VOKASIONAL



(SALLY LIM SWEE
LIAN)

MAKLUMAT-MAKLUMAT PENTING

Pihak sekolah mengambil kesempatan ini untuk memohon kerjasama ibu bapa/penjaga dalam hal-hal berikut:-

A) Waktu Sekolah

- Sesi persekolahan adalah **satu sesi**. Semua murid perlu **hadir sebelum jam 7.20 pagi** setiap hari untuk perhimpunan dan pengumuman harian sebelum bermulanya waktu pembelajaran.

Hari	Waktu Pembelajaran**		Kokurikulum / Permainan / Sukan***	
	Mula	Tamat	Mula	Tamat
Isnin	7.20 pagi	1.00 petang		
Selasa	7.20 pagi	1.00 petang	3.00 petang	5.00 petang
Rabu	7.20 pagi	2.00 petang	3.00 petang	5.00 petang
Khamis	7.20 pagi	1.00 petang		
Jumaat	7.20 pagi	12.30 tengah hari		

** Bagi **Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR)**, Jadual waktu adalah mengikut **Jadual waktu Anjal PKP** yang telah disediakan dan akan berubah mengikut keperluan.

*** Bagi **perjumpaan Kokurikulum** sepanjang PKP adalah secara **dalam talian** dan juga akan berubah mengikut keperluan.

WAKTU PEMBELAJARAN DAN KOKURIKULUM TINGKATAN 1 TAHUN 2021

B) Aktiviti-Aktiviti Sekolah

- Semua murid diwajibkan memilih **3** persatuan termasuk **satu kelab/persatuan akademik/ bukan akademik, satu rumah sukan & sukan permainan** dan **satu pasukan pakaian seragam**.
- Rumah sukan **tidak boleh dipilih**, ia adalah diberi secara **automatik** oleh pihak sekolah.

****Sila pastikan kelas tambahan (tuition class) tidak bercanggah dengan waktu aktiviti sekolah.**

Kepentingan penglibatan kokurikulum

- Penglibatan aktiviti kokurikulum adalah **wajib** mengikut surat pekeliling ikhtisas kerajaan.
- Markah penglibatan kokurikulum murid adalah sangat penting kerana mulai 2014, **10%** markah CGPA kokurikulum diambil kira untuk murid melanjutkan pelajaran ke matrikulasi dan IPTA serta memohon biasiswa selepas SPM.
- Murid perlu mendapat markah yang cemerlang iaitu gred sekurang-kurangnya "B" untuk tujuan di atas.

JADUAL PERLAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM TAHUN 2021 ATAS TALIAN/ BERSEMUKA (BERGANTUNG KEPADA SEBARANG PINDAAN)

BUAN	TARIK	RUMAH SUKAN (SELASA) 3PM - 4PM	SUKAN & PERMAINAN (SELASA) 4PM - 5PM	UNT BERUNIFORM (RABU) 3PM - 4PM	KELAB/PERSATUAN (RABU) 4PM - 5PM
FEBRUARI	2/2/2021	KESATRIA & MAJU BERJAYA & HEBAT (AGM)	/ (AGM)		
	3/2/2021			/ (AGM)	/ (AGM)
	16/2/2021	KESATRIA & MAJU	/		
	17/2/2021			/	/
	23/2/2021	BERJAYA & HEBAT	/		
	24/2/2021			/	/
MAC	2/3/2021	KESATRIA & MAJU	/		
	3/3/2021			/	/
	9/3/2021	BERJAYA & HEBAT	/		
	10/3/2021			/	/
	16/3/2021	KESATRIA & MAJU	/		
	17/3/2021			/	/
	23/3/2021	BERJAYA & HEBAT	/		
	24/3/2021			/	/
APRIL	28/3/2021	CUTI PERTENGAHAN PENGGAL			
	6/4/2021	KESATRIA & MAJU	/		
	7/4/2021			/	/

	9/4/2021	ROAD RUN			
	13/4/2021	BULAN RAMADAN PENTAKSIRAN PERTENGAHAN TAHUN			
	14/4/2021				
	20/4/2021				
	21/4/2021				
MEI JUN	29/5/2021-13/6/2021	CUTI PERTENGAHAN TAHUN			
JUN	15/6/2021	BERJAYA & HEBAT	/		
	16/6/2021			/	/
	22/6/2021	SUKANTARA (WAKTU PJPK)	/		
	23/6/2021			/	/
	29/6/2021	RAPTAI SUKAN			
JULAI	1/7/2021	KEJOHANAN SUKAN TAHUNAN			
	6/7/2021		/		
	7/7/2021			/	/
	13/7/2021		/		
	14/7/2021			/	/
	17/7/2021-23/7/2021	CUTI PERTENGAHAN PENGGAL			
	27/7/2021		/		
	28/7/2021			/	/
OGOS	3/8/2021		/		
	4/8/2021			/	/
	10/8/2021		/		
	11/8/2021			/	/
	17/8/2021		/		
	18/8/2021			/	/

** AKTIVITI SUKAN & PERMAINAN PADA BULAN JULAI - OGOS AKAN DIADAKAN PADA JAM 3.00 – 5.00 PETANG. TIADA AKTIVITI RUMAH SUKAN DIJALANKAN SELEPAS KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH.

** AKTIVITI UNIT BERUNIFORM & KELAB/PERSATUAN DIJALANKAN PADA BULAN JANUARI- OGOS. PERJUMPAAN UNIT BERUNIFORM PADA JAM 3.00 – 4.00 PETANG & PERJUMPAAN KELAB/PERSATUAN PADA JAM 4.00 – 5.00 PETANG.

PENILAIAN AKTIVITI KOKURIKULUM (PAJSK)

PERKARA	MARKAH
KEHADIRAN	40%
JAWATAN	10%
PENGLIBATAN	20%
PENCAPAIAN	20%
EKSTRA KURIKULUM	10%
KOMITMEN	10%

C) PIBG & Sarana Ibu Bapa

Sarana ibu bapa merupakan suatu inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di dalam dan di luar sekolah. Adalah wajar ibu bapa mengeratkan tali perhubungan dengan guru-guru melalui PIBG. Di samping berganding bahu membantu pihak sekolah melaksanakan projek-projek PIBG demi membaiki kemudahan-kemudahan di sekolah bagi munafaat murid-murid, diharapkan juga agar ibu bapa dan guru-guru dapat meningkatkan taraf pembelajaran murid-murid serta membantu murid-murid dalam soal peribadi masing-masing.

D) Perhubungan antara Ibu Bapa dan Sekolah

- i) Sekolah akan mengadakan Hari Terbuka **dua** kali setahun iaitu pada **bulan Jun/Julai dan bulan November**. Ibu bapa digalakkan hadir untuk berbincang dengan guru tingkatan tentang kemajuan anak tuan puan. Tuan/puan juga boleh berjumpa dengan Pengetua/ Penolong Kanan/ Penolong Kanan HEM/ Penyelaras Tingkatan/ Guru Tingkatan untuk membincangkan tentang hal ehwal murid pada bila-bila masa persekolahan.
- ii) Pihak sekolah mengharapkan kerjasama yang sepenuhnya daripada ibu bapa supaya:
 - a. **TIDAK** menurunkan anak di depan pintu besar. Turunkan anak di depan pintu kecil Blok F atau pintu pagar di Dewan.
 - b. **TIDAK** membuat ‘U turn’ di depan pintu besar.

E) Kurikulum

- a) Kelas **Bahasa Cina** adalah mata pelajaran pilihan bagi **murid SJK (C)** sahaja.

F) Butiran disiplin sekolah

i) Peraturan Sekolah

Buku panduan peraturan sekolah SMKDJ terdapat dalam kit permulaan dan boleh dibeli dari koperasi sekolah. Murid-murid wajib mengetahui dan mematuhi peraturan-peraturan sekolah

ii) Senarai Barang-Barang Larangan

- Liquid paper, Pembaris besi, alatan tajam, Sebarang jenis gula-gula kecuali "Fisherman's Friend" dan gula sakit kerongkong tertentu.
- Bahan bacaan yang tidak diperlukan untuk pelajaran seperti buku komik atau majalah, Pita video, pita kaset, VCD, CD, DVD yang tidak digunakan untuk pelajaran, barang kemas, alat bersolek, cermin, pisau cukur, pisau lipat atau pisau-pisau yang lain. (Semua objek tajam dan berbahaya)
- Alat-alat permainan, Kad permainan, kad koleksi dan kad judi.
- Jaket kulit, topi dan cap, 'Friendship band' and 'stickers'.
- Badges' yang berunsur tidak sesuai bagi budaya kita seperti berperkataan lucu dan sebagainya.
- Scrunchie/pengikat rambut yang berwarna-warni, berwarna yang menangkap mata /terlalu terang kecuali yang berwarna biru, putih atau hitam.
- Cucuk sanggul yang tajam pada bahagian hujung dan warna yang tidak sesuai.
- Botol air seperti cola, pepsi, 7up, air mineral dan sebagainya.
- Subang yang bersaiz melebihi 1 cm atau berwarna selain daripada biru, hitam dan putih (1 warna sahaja dibenarkan).
- Melebihi satu subang pada satu telinga atau pasangan yang berlainan.
- Semua bahan-bahan elektronik seperti telefon bimbit, I-PAD kecuali kalkulator.
- Rokok, vape, rokok shisha, pemetik api dan mancis.
- Sarung kaki yang kurang daripada 10 cm dari pergelangan kaki.
- Rantai kunci yang mempunyai permainan seperti "soft toy".

Ibu bapa juga digalakkan mengetahui peraturan-peraturan sekolah.

G) Prosedur murid balik awal

Demi keselamatan murid, pihak sekolah amat memerlukan kerjasama ibu bapa atau penjaga untuk mengikuti prosedur di bawah ini apabila hendak membawa murid balik awal.

- Mengambil **pas pelawat** dari pengawal di pondok pengawal.
- Terus pergi ke pejabat sekolah untuk **menandatangani buku** murid balik awal.
- Murid akan menunggu ibu bapa dengan beg di pejabat sekolah.
- **Pulangkan pas pelawat** kepada pengawal dan tunjukkan **keratan borang kebenaran** keluar kawasan sekolah kepada pengawal sebelum murid boleh dibawa keluar oleh ibu bapa.
- Prosedur ini amat penting agar **murid tidak dibawa keluar** oleh orang yang tidak diingini.

H) Peraturan-peraturan Peperiksaan Dalaman

1. Kes Tidak Hadir

1.1. Kes Tidak Hadir Bersebab

- 1.1.1. Menduduki peperiksaan kerajaan, menyertai MSSD, MSSS, MSSM atau arahan-arahan lain daripada PPD/ JPN / Kementerian. Kes-kes di atas akan dilayan untuk Ujian Bulanan, Peperiksaan Pertengahan Tahun, Peperiksaan Percubaan PT3 / SPM dan Peperiksaan Akhir Tahun. Murid-murid dibenarkan mengambil peperiksaan sama ada pada hari yang sama atau pada tarikh lain selepas peperiksaan yang ditetapkan dengan syarat murid-murid memaklumkan kepada Tuan Pengetua secara bersurat daripada ibu bapa atau penjaga sekurang-kurangnya satu minggu sebelum ujian dijalankan. Bagi murid-murid yang mewakili sekolah ke pertandingan, **Guru Penasihat** bertanggungjawab memaklumkan **SU Peperiksaan** butir-butir penyertaan murid-murid sekurang-kurangnya **SATU MINGGU** sebelum peperiksaan dijalankan.
- 1.1.2. Murid-murid yang tidak menduduki peperiksaan kerana sakit (dengan **MC** dan **surat akuan doktor**) akan direkod **TH** dalam Sijil Murid.
- 1.1.3. Murid-murid yang tidak menduduki peperiksaan kerana kematian ayah, ibu, datuk, nenek dan adik-beradik mesti mempunyai surat kematian dan akan direkod **TH** dalam Sijil Murid.
- 1.1.4. Untuk kes-kes 1.1.3 dan 1.1.4, murid-murid boleh menduduki semula kertas peperiksaan tetapi markah tidak diambil kira dalam peperiksaan.
- 1.1.5. Bagi mata pelajaran yang mengandungi lebih daripada satu kertas, murid-murid T4 dan T5 **mesti hadir** dan menduduki peperiksaan **semua** kertas mata pelajaran tersebut. Murid-murid yang tidak hadir mana-mana kertas bagi satu-satu mata pelajaran akan direkod dalam Sijil Murid sebagai **TH** jika murid-murid mempunyai sebab yang munasabah, sekiranya tidak markah murid direkod berdasarkan markah bagi kertas yang diambilnya.

1.2. Kes Tidak Hadir Tanpa Sebab

Murid-murid berikut tidak dibenarkan mengambil ujian tersebut. **Markah 0** diberi.

- 1.2.1. Menduduki peperiksaan Anjuran Swasta.

- 1.2.2. Melancong ke luar negeri.

2. Mata Pelajaran Elektif

- 2.1.** Bagi mata pelajaran yang tidak ditawarkan di kelas masing-masing tetapi murid-murid mendaftar untuk SPM, murid-murid dibenarkan menduduki peperiksaan. Kertas jawapannya akan diserahkan kepada ketua panitia mata pelajaran berkenaan untuk tindakan. Markah akan dicatat dalam ‘online’ SAPS.
- 2.2.** Bagi mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, murid-murid diwajibkan menduduki semua peperiksaan. Markah akan dicatatkan dalam Sijil Murid. Markah diambil kira untuk analisis untuk T1, T2, T3, T4 dan T5.

3. Penyakit Berjangkit

Murid-murid yang menghidapi penyakit berjangkit seperti demam campak, beguk dan sebagainya TIDAK dibenarkan mengambil peperiksaan dan akan direkodkan TH dalam Sijil Murid.

4. Datang Lewat dan Balik Awal Sepanjang Peperiksaan

Jika lewat datang ke sekolah iaitu lebih 30 minit selepas pukul 7.20 pagi (kerana hanya menduduki peperiksaan selepas rehat atau tanpa sebab munasabah) murid-murid masih dibenarkan menduduki peperiksaan tetapi markah 0 akan diberi bagi kertas-kertas yang didudukinya sepanjang hari tersebut. Begitu juga bagi murid-murid yang balik awal (kerana tidak ada kertas ujian selepas rehat) juga diberi markah 0 bagi kertas-kertas yang diuji pada hari itu. Jika ada sebab munasabah, sila bawa slip klinik dan rujuk kepada Pengetua.

5. Kes Meniru

5.1. Murid-murid yang ditangkap meniru, Guru Pengawas perlu menulis nama murid-murid yang terlibat dalam borang pengawasan peperiksaan berkaitan penyelewengan yang dilakukan dan memaklumkan SU Peperiksaan. SU Peperiksaan akan menyiasat penyelewengan tersebut selepas peperiksaan tamat.

5.2. Murid-murid yang disahkan meniru, markah 0 akan diberi.

5.3. Jika meniru lebih daripada satu mata pelajaran, markah 0 akan diberi untuk semua mata pelajaran.

5.4. Murid-murid yang membentarkan kawannya meniru juga diberi markah 0.

5.5. Murid-murid yang bercakap atau berkomunikasi juga akan diberi markah 0 bagi kertas yang didudukinya.

5.6. Unit Peperiksaan Dalaman akan menyiasat semua aduan meniru. Selepas disahkan meniru, pihak-pihak berkenaan akan dihubungi dan tindakan akan dikenakan terhadap peniru. Kes akan diserahkan kepada Unit Disiplin Sekolah bagi tindakan disiplin.

5.7. Nota, kertas, buku, surat khabar, kotak pensel, beg pensel jernih, telefon bimbit, alat komunikasi dilarang bawa masuk. Jika didapati murid-murid membawa barang yang dilarang tersebut, markah ‘0’ akan diberi walaupun tidak digunakan semasa peperiksaan

*Kes-kes berbangkit tertakluk kepada perubahan oleh Pengetua.

6. Penggredan Markah

6.1. Tingkatan 1, 2 dan 3

Gred	A	B	C	D	E	F	TH
Markah	85 – 100	70–84	60–69	50–59	40–49	00– 39	TH

6.2. Tingkatan 4 dan 5

Gred	Markah
A+	90 - 100
A	80–89
A-	70–79
B+	65-69
B	60-64
C+	55-59
C	50–54
D	45–49
E	40–44
G	00–39
TH	TH

7. Syarat Kelulusan

7.1. Untuk murid –murid Tingkatan 4 dan 5, wajib lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

7.2. Untuk murid-murid Tingkatan 1, 2 dan 3, wajib lulus semua mata pelajaran teras PT3.

I) Pembayaran untuk sumbangan PIBG

Sumbangan Tetap PIBG	RM 130.00
Majalah sekolah	RM 15.00
Pengawal keselamatan	RM 20.00
JUMLAH	RM 165.00

J) Pembelian Buku Latihan Dan Keperluan-Keperluan Lain

- (i) KEDAI BUKU – Buku tulis dan peralatan tulis.
- (ii) KOPERASI SEKOLAH (UNTUK SEMUA MURID BARU)

PAKEJ A (STARTER KIT) :-(WAJIB) Dibeli terus daripada kedai koperasi

BIL	ITEM	HARGA (RM)	CATATAN
1	Seluar trek PJPK	32.00	
2	Baju T PJPK (Berkolar)	18.00	
3	Tali leher	15.00	
4	Lencana sekolah (4 keping x RM1.00)	4.00	
5	Tanda Sesi	2.00	
JUMLAH		71.00	Murid lelaki dan perempuan (tali leher)
JUMLAH		56.00	Murid perempuan (tanpa tali leher)

PAKEJ B: (WAJIB) – Pesanan melalui guru tingkatan

BIL	ITEM	HARGA (RM)
1	Fail Laporan Kemajuan Murid (biru)	16.00
2	Kad kokurikulum	1.50
3	Buku Peraturan Sekolah	4.00
4	Kad khidmat masyarakat	2.00
JUMLAH		23.50

Bayaran keahlian berikut perlu dibayar kepada guru tingkatan.

- i) Keahlian koperasi (Ahli-RM3.00+Saham-RM7.00) RM10.00
 - ii) Keahlian Pusat Sumber (Kad ahli RM4.00 + Buku Nilam RM2.00 + Buku Panduan Pusat Sumber RM4.00) RM10.00
 - iii) Pengambilan gambar murid tingkatan 1 RM12.00
- | | |
|---------------|----------------|
| JUMLAH | RM32.00 |
|---------------|----------------|

MAKLUMAT PENTING UNTUK PERHATIAN IBU BAPA DAN MURID

1. Tidak menggunakan pintu A (utama) untuk menurunkan atau menjemput anak. Turunkan anak di pintu B dan C sahaja
2. Tidak membuat “U-TURN” di pintu A (utama) dan tidak membuat “double parking” semasa menunggu anak di luar sekolah.
3. Mendapat borang pelawat di pondok keselamatan sebelum berurusana di pejabat
4. Tidak berjumpa murid di bilik darjah. Sebarang urusan perlu dibuat melalui pejabat sahaja.
5. Atas faktor keselamatan, mohon ibu bapa menjemput anak balik selepas waktu persekolahan atau waktu ko-kurikulum. Semua aktiviti sekolah dan ko-kurikulum tamat pada pukul 5.00 petang. Keberadaan murid di sekolah selepas itu adalah dibawah tanggungjawab ibu bapa sepenuhnya.
5. Pemakaian kasut putih dan stoking putih atau kasut hitam dan stoking hitam dan tidak boleh dicampur warna mulai 2021. Sila rujuk gambar di bawah.



6. Lencana sekolah perlu dijahit di atas tag nama murid. Tag nama akan dipesan melalui guru tingkatan apabila sekolah buka nanti

Lencana Sekolah



Lencana sekolah hendaklah dijahit di atas
← tanda nama murid.



Tanda nama murid dijahit dan berada di bawah
lencana sekolah.



Bahagian poket hendaklah dibiarkan kosong
tanpa sebarang tampilan / jahitan lencana dan
tanda nama.

7. Telefon bimbit adalah barang larangan utama di sekolah dan tidak boleh dibawa ke sekolah dan sekiranya diambil oleh guru maka ia akan disimpan di pejabat selama 7 hari bekerja dan hanya boleh dituntut balik oleh ibu bapa selepas sekolah pada hari Jumaat sahaja. Jika ada masalah berhubung dengan perkara ini, boleh rujuk kepada guru disiplin atau PK Hem.

BARANG LARANGAN UTAMA

• Telefon Bimbit (HP)



**TARIKH
PENTING
UNTUKK
MURID
TINGKATAN 1**

TARIKH PENTING 2021 UNTUK MURID TINGKATAN 1

JANUARI
<ul style="list-style-type: none">• Pengesahan penempatan murid Ting 1 (bermula 28/12 – 14/1)• Penilaian ASK (12/1)• Hari Pertama Persekolahan (20/1)• Cuti Thaipusam (28/1)
FEBRUARI
<ul style="list-style-type: none">• Cuti Tahun Baharu Cina (10/2 – 13/2)• Kem Kepimpinan Kokurikulum (17/2)
MAC
<ul style="list-style-type: none">• Pentaksiran 1 (15/3 – 19/3)• Ujian Segak (22/3 – 25/3)• Cuti Pertengahan Penggal (27/3 – 4/4)
APRIL
<ul style="list-style-type: none">• Road Run (9/4)• Cuti Nuzul Al-Quran (29/4)
MEI
<ul style="list-style-type: none">• Cuti Pekerja• Pentaksiran Pertengahan Tahun (21/5 – 28/5)• Cuti Hari Raya Aidil Fitri (11/5 – 14/5)• Cuti Hari Wesak (26/5)• Cuti Pertengahan Tahun (29/5 – 13/6)
JUN
<ul style="list-style-type: none">• Sukantara (21/6 – 24/6)• Raptai Hari Sukan (28/6)• Kejohanan sukan (30/6)
JULAI
<ul style="list-style-type: none">• Kem Pengawas (10/7)• Hari Akademik 1 (16/7)• Cuti Pertengahan Penggal (17/7 – 25/7)• Hari Raya Aidil Adha (19/7)• Pelancaran Bulan Kebangsaan (26/7)

OGOS

- Slot Pemimpin Muda 3 (2/8)
- Cuti Awal Muharram (9/8)
- Cuti Hari Kebangsaan (31/8)

SEPTEMBER

- Slot Pemimpin Muda 4 (6/9)
- Pertandingan Kawad Kaki (8/9)
- Penutup Bulan Kebangsaan (10/9)
- Cuti Pertengahan penggal (11/9 – 19/9)
- Hari Malaysia (16/9)
- Raptai Majlis Penghargaan Kokurikulum dan Rimup / MPKR (29/9)

OKTOBER

- MPKR (1/10)
- Cuti Maulidur Rasul (19/10)
- Pentaksiran Akhir Tahun (25/10 – 29/10)

NOVEMBER

- Cuti Deepavali (3/11 – 5/11)


DISEMBER

- Hari Akademik 2 (3/12)
 - Hari Keputeraan Sultan Selangor (11/12)
- Cuti Akhir Tahun bermula 11/12

PELAN

SEKOLAH

PELAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAMANSARA JAYA 2021



SOP
SOP
COVID19

TATACARA KEBIASAAN BAHARU

1. Murid memastikan diri sentiasa berada dalam keadaan sihat, menjaga kebersihan diri dan tidak menunjukkan gejala awal COVID-19 seperti demam, batuk dan selesema. Sekiranya ada gejala tersebut, sila laporkan kepada guru dan murid perlu berada di bilik Isolasi sehingga ibu bapa datang untuk membawa murid balik. Jika murid tidak sihat dan bergejala, sila berada di rumah dan jangan datang ke sekolah.
2. Saringan suhu akan dijalankan apabila murid masuk ke kawasan sekolah dan murid perlu mengingati suhu badan sendiri dan maklumkan kepada guru di kelas untuk membuat catatan pada fail kelas.
3. Murid disarankan memakai pelitup muka (face mask).
4. Mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurang 1meter dengan orang lain ketika berada di kawasan sekolah.
5. Tidak bersalaman dan bersentuhan dengan orang lain.
6. Mengelak menyentuh permukaan yang tidak perlu.
7. Bergerak mengikut laluan pergerakan sehala ke kelas mengikut tanda arah di lantai dan tidak dibenarkan bergerak atau berkumpul di tempat-tempat lain di kawasan sekolah.
8. Semua pergerakan di sekolah adalah sehala kecuali laluan di tepi letak kereta dekat blok D dan E.
9. Tangga untuk naik dan turun sudah ditetapkan dan adalah sehala. Semua tangga naik adalah di sebelah kiri bangunan dan tangga turun adalah di sebelah kanan bangunan. Sila rujuk kepada pelan laluan pergerakan yang terdapat pada papan kenyataan di pintu hadapan kelas.
10. Murid-murid tidak dibenarkan bergerak ke kelas lain kecuali kelas sendiri. Jika ada keperluan untuk pergi ke bilik khas seperti makmal Bahasa dan makmal-makmal yang lain, guru perlu ke kelas untuk mengiringi murid dan mengamalkan penjarakan social semasa bergerak.
11. Murid digalak untuk membersihkan meja dan tempat duduk dengan tisu basah atau *disinfecting wipes* yang dibawa dari rumah sebelum duduk.
12. Murid tidak dibenarkan mengalih kedudukan meja dan kerusi yang ditetapkan dan tidak dibenarkan bertukar tempat duduk dengan kawan
13. Guru dan murid sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang pdpc berlangsung

14. Murid perlu menggunakan pensanitiasi di dalam kelas jika ada keperluan
15. Murid tidak dibenarkan bergerak dari tempat duduk sewaktu pertukaran waktu subjek.
16. Tidak berkongsi menggunakan alat tulis, buku dan sebarang peralatan.
17. Pertemuan guru dengan murid hanya dibuat di kelas sahaja. Murid tidak dibenarkan berjumpa dengan guru di bilik guru atau di bilik khas.

TATACARA MURID KE TANDAS

1. Murid dibenarkan ke tandas semasa waktu PdP dengan mematuhi peraturan dan penjarakan sosial.
2. Hanya seorang murid sahaja dibenarkan keluar ke tandas dengan menggunakan Pas Keluar.
3. Penyangkut disediakan di tepi pintu masuk tandas untuk murid menggantungkan pas keluar apabila hendak masuk ke tandas. Apabila semua penyangkut telah ada pas keluar bererti semua kubikel telah digunakan dan murid seterusnya perlu menunggu giliran untuk masuk di luar tandas dengan mengamalkan penjarakan social.
4. Murid perlu membasuh tangan dengan sabun mengikut tatacara pembasuhan tangan yang betul seperti dipaparkan di dalam tandas dekat sinki.
5. Murid tidak dibenarkan berkumpul di sepanjang koridor tandas.
6. Segera balik ke kelas selepas menggunakan kemudahan di tandas dan memulangkan pas keluar kepada guru di kelas.

TATACARA MURID PADA WAKTU REHAT

1. Murid boleh membuat pesanan makanan daripada kantin pada setiap Jumaat untuk minggu berikutnya dan membuat bayaran kepada pengusaha kantin melalui AJK Kelas. AJK kelas akan mengambil bungkus makanan 5 minit sebelum rehat setiap hari dan mengedarkannya kepada murid di kelas. Murid akan makan di kelas dengan pemantauan guru.
2. Murid tidak berkongsi makanan, minuman dan peralatan dengan rakan lain.
3. Penghantaran makanan melalui Khidmat “Delivery” seperti *Grab food* dan *Food Panda* tidak dibenarkan. Penghantaran makanan oleh ibu bapa juga tidak dibenarkan.
4. Murid digalakkan untuk membawa bekalan makanan dari rumah.


5. Murid-murid perlu membawa dan menggunakan sudu dan garpu masing-masing jika diperlukan semasa makan.
6. Bekas makanan dan minuman dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan di koridor kelas.
7. Murid dilarang makan dan minum sebelum dan selepas waktu rehat.
8. Murid digalak membawa tisu basah *personal care wipes* dari rumah untuk membersihkan tangan dan membersihkan tempat duduk selepas makan.
9. Murid dibenarkan pergi ke tandas secara bergilir-gilir pada waktu rehat. Hanya seorang murid sahaja boleh keluar dengan menggunakan pas keluar pada satu-satu masa.

TATACARA MURID PADA WAKTU BALIK


1. Masa balik mengikut jadual waktu kelas.
2. Pergerakan murid keluar dari sekolah adalah mengikut laluan sehala dan menggunakan tangga yang ditetapkan.
3. Murid dikehendaki menjaga kebersihan meja dan tempat duduk. Jangan tinggalkan sampah di dalam laci meja.
4. Semua buku teks, buku latihan, buku rujukan dan lain-lain barang milikan murid dibawa balik setiap hari atau disimpan di dalam loker sewaan.
5. Semua sampah hendaklah dibuang di dalam tong sampah yang disediakan.
6. Murid diingatkan menggunakan pensanitiasi atau mencuci tangan di sinki dekat pintu pagar sebelum keluar dari kawasan sekolah.
7. Murid tidak dibenarkan bergerak ke tempat lain dalam kawasan sekolah selepas waktu persekolahan.
8. Murid dinasihatkan terus balik ke rumah dan tidak berhenti atau berkumpul di luar pagar sekolah.
9. Ibu bapa atau penjaga murid digalakkan membawa anak balik sebaik loceng tamat persekolahan.
10. Murid perlu berdiri di garisan merah untuk penjarakan sosial semasa menunggu pengangkutan untuk balik.

**PELAN
PELAN
LALUAN
MURID**


PELAN LALUAN PERGERAKAN MURID KE KELAS PADA WAKTU PAGI




PELAN LALUAN PERGERAKAN MURID BALIK PADA WAKTU PETANG




PELAN LALUAN KE KANTIN DAN BALIK KE KELAS SEMASA REHAT



PELAN PERGERAKAN MURID DI KANTIN PADA WAKTU REHAT





SMK DAMANSARA JAYA
JALAN SS22A/1,
DAMANSARA JAYA, 47400
PETALING JAYA,
SELANGOR.
TEL: 03-7729 6018
FAX: 03 7729 1880
LAMAN WEB: smkdj.edu.my